



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

LAFAZ SALAM: Di Luar Dan Di Dalam Sembahyang

(Bahagian Akhir)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

(2) Lafaz salam apabila menziarahi maqam Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dan sahabat Baginda

Apabila seseorang masuk Masjid Nabawi, kerjakanlah sembahyang sunat Tahiyatulmasjid, kemudian pergilah menziarahi maqam Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* dengan menghadap ke arah Baginda dan membelakangi kiblat dalam jarak empat hasta daripada dinding maqam Baginda. Kemudian ucaplah salam ke atas Baginda dengan suara yang perlahan. Sekurang-kurang salam ke atas Baginda itu ialah dengan mengucapkan: “

” (Selamat sejahtera ke atas Tuan, wahai Rasulullah, Allah memberikan selawat dan salam ke atas Tuan).

Ataupun dengan salam yang panjang seperti:

Maksudnya: “*Selamat sejahtera ke atasmu wahai Abu Bakar sahabat Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam dan orang yang menemaninya di gua (tsur). Semoga Allah memberi ganjaran dengan ganjaran yang sebaiknya kepadamu daripada umat Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam.*”

Kemudian beralih lagi ke kanan dalam jarak sehasta untuk mengucapkan salam ke atas Saiyidina ‘Umar *Radhiallahu ‘anhu* dengan mengucapkan:

Maksudnya: “*Selamat sejahtera ke atasmu wahai ‘Umar orang yang dengannya Allah telah menguatkan Islam. Semoga Allah memberikan ganjaran dengan ganjaran yang sebaiknya kepadamu daripada umat Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam.*”

(3) Lafaz salam apabila menziarahi ahli kubur orang Islam

Sunat memberi salam kepada ahli kubur orang Islam dengan menghadap ke arah muka ahli kubur tersebut, sebagaimana salam yang diajarkan Nabi Muhammad *Shallallahu ‘alaihi wasallam* dalam hadits riwayat Imam Muslim *Rahimahullah*, iaitu:

Maksudnya: *“Selamat sejahtera kepada kamu sekalian, wahai penghuni kampung-kampung dari kalangan mukminin dan muslimin, dan sesungguhnya kami, Insya Allah, akan bertemu kamu, saya memohon kepada Allah ‘afiat untuk kami dan untuk kamu sekalian.”*

(4) Lafaz salam apabila memasuki rumah yang tidak berpenghuni

Sunat mengucapkan salam ketika hendak masuk rumah, bukan sahaja ketika hendak masuk ke rumah orang lain bahkan juga ketika hendak masuk ke rumah sendiri sekalipun rumah tersebut tidak berpenghuni dengan mengucapkan:

Maksudnya: *“Selamat sejahtera ke atas kami dan ke atas hamba-hamba Allah yang shaleh, selamat sejahtera rahmat Allah serta keberkatanNya ke atas kamu wahai ahli rumah.”*

Lafaz Salam Dalam Sembahyang

Memberi salam di akhir sembahyang iaitu setelah selesai membaca *tasyahhud akhir* adalah termasuk dalam rukun sembahyang. Sekurang-kurang lafaz salam itu ialah dengan membaca () dan diucapkan sekali.

Sementara lafaz salam yang afdhal dan sempurna ialah dengan membaca () sebanyak dua kali, sekali pada salam pertama di sebelah kanan dan sekali pada salam kedua di sebelah kiri, sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh ‘Abdullah Radhiallahu ‘anhu:

()

Maksudnya: “*Sesungguhnya (Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam) memberi salam di sebelah kanannya dan kirinya (dengan membaca) .*”

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Adapun menambah di akhir lafaz salam itu dengan perkataan () adalah tidak disunatkan.

Kesimpulan

Memberi salam itu merupakan sebahagian daripada etika orang Islam ketika bertemu dan berjumpa saudaranya. Dengan salam akan eratlah lagi jalinan ukhuwwah Islamiah sesama Islam, kerana anjuran memberi salam itu bukan terbatas kepada orang yang dikenali ataupun yang dekat dengan kita sahaja.

Memberi salam juga disunatkan apabila menziarahi kubur orang-orang Islam termasuk makam Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* dan sahabat Baginda. Dengan memberi salam kepada ahli kubur, kita telah mendoakan mereka dengan kesejahteraan dan keselamatan mereka.

Di dalam sembahyang pun kita juga dituntut memberi salam sebagai salah satu rukun sembahyang.

Maka lafaz salam ini sangat mulia dan dituntut dalam Islam, kerana ia menambahkan pahala, mengeratkan hubungan sesama Islam, doa kesejahteraan kepada mereka yang telah pergi meninggalkan kita, bahkan ia juga memberi kesan kepada sahnya ibadah sembahyang.